

# MSC & CTSB

# NEWSLETTER

## 1. SESI GO-LIVE NAIKTARAF EPBT BERSAMA MDL & MDKT 01/08/2024 (KHAMIS)

Sesi go-live telah berjalan selama 3 hari di Majlis Daerah Labis dan Majlis Daerah Kota Tinggi. Sesi ini bermula dari 1/8/2024, dan kemudian bersambung pada 4-5 Ogos 2024. Sesi ini adalah bertujuan untuk memberi sokongan kepada PBT bagi mengoperasikan Modul Hasil sistem ePBT yang telah dinaiktaraf kepada ePBT 3.0. Sesi ini juga telah dilaksanakan oleh wakil CTSB iaitu Inshirah, Amirah, Fadhillah, Khalis, Zawanah, Fika Manaf dan Aina.



## 2. JOHOR SMART CITY DAY 2024 (JSCD 2024)

06/08/2024 (SELASA)

CTSB telah menyertai JSCD 2024 yang diadakan di Persada, Johor Bahru selama 1 hari. CTSB telah mempamerkan penyelesaian bandar pintar dan memperkenalkan penyelesaian AWS Govtech. Ucapan terima kasih dan tahniah diberikan kepada semua staf CTSB yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyertai JSCD ini.



### 3. SESI TRANSFER OF TECHNOLOGY FASA 2 BERSAMA MAJLIS BANDARAYA KUANTAN (MBK)

11/08/2024 (AHAD)



CTSB telah mengadakan sesi ToT Accounting & Revenue Integrated System (ARIS) untuk Majlis Bandaraya Kuantan pada 11-15 Ogos 2024 di Hotel Dorsett, Putrajaya. Sesi ToT tersebut memberi pendedahan kepada Pegawai Teknologi Maklumat MBK mengenai teknologi yang digunakan di dalam ARIS. Ia telah dihadiri oleh 6 orang pegawai MBK dan beberapa orang staf CTSB dari Kuantan dan Johor Bahru.

### 4. TINGKATKAN KESEJAHTERAAN KEWANGAN ANDA DENGAN PROGRAM MAYBANK

14/08/2024 (RABU)

CTSB telah menjemput pihak Maybank untuk memberi pendedahan tentang mengurus kewangan dan membantu untuk mencapai kesejahteraan kewangan yang lebih baik. Daripada program ini, staf CTSB diberi peluang untuk membuka akaun ASB, membuka akaun Maybank, dan mendapatkan nasihat untuk membantu mengurus kewangan dengan lebih bijak. Pengenalan Kewangan oleh Maybank telah diadakan di Gates, MSC Cyberport dan telah dihadiri oleh semua staf MSC & CTSB Johor Bahru.





## 5. MESYUARAT KICK-OFF UJI CUBA SISTEM DI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

18/08/2024 (AHAD)

Mesyuarat Kick-Off telah dijalankan secara rasmi bagi memperkenalkan Sistem Bersepadu PBT Modul Kewangan dan Modul Hasil kepada setiap Ketua Jabatan dan Ketua Setiausaha Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Ia bertujuan untuk memberi pengenalan, membincangkan skop, objektif, dan jangka masa sesi uji cuba sistem ini. Gambaran keseluruhan sistem telah dibentangkan oleh Puan Arina semasa mesyuarat tersebut berlangsung.



## 6. UJI CUBA SISTEM PBT MODUL KEWANGAN DAN MODUL HASIL MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG (MPBG)

18/08/2024 (AHAD)

Sesi uji cuba Modul Kewangan dan Modul Hasil ini telah dijalankan selama satu bulan iaitu dari 18 Ogos 2024 sehingga 30 September 2024 di Majlis Bandaraya Pasir Gudang. Sesi ini bertujuan untuk memberikan pengujian sistem Bersepadu PBT kepada semua jabatan yang terlibat di MBPG. Ia telah dilaksanakan oleh wakil Modul Kewangan dan wakil Modul Hasil dari CTSB Johor.



## 7. MAJLIS FAREWELL RAHWANI

20/08/2024 (SELASA)

Majlis Farewell Rahwani telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas sumbangannya di CTSB bersama Finance department. Wani telah bersama CTSB sejak tahun 2023 dengan bermula sebagai Penganalisa Kewangan. Kami mengucapkan semoga maju jaya di tempat baru.



## 8. MAJLIS FAREWELL INTERN, ALYA BATRISYIA DAN ALIYA MARSYA

20/08/2024 (SELASA)



Majlis Farewell Alya dan Marsya telah diadakan sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan usaha mereka di MSC bersama Business Development Department. Alya telah menjalankan internship selama setahun manakala Marsya telah bersama MSC selama 4 bulan. Kami mengucapkan semoga maju jaya di masa hadapan.

## 9. SESI LATIHAN MODUL INVENTORI DI MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG

21/08/2024 (RABU)

Sesi Latihan bersama Majlis Bandaraya DiRaja Klang telah dijalankan di MBDK pada 21/8/2024. Sesi Latihan ini berjalan selama satu hari dan ia dihadiri oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Kewangan. Sesi ini telah dilaksanakan oleh 2 orang wakil CTSB iaitu Syahirah dan Nazrin.




## 10. SESI URS PINDAH MILIK ONLINE DI MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI

22/08/2024 (KHAMIS)

Satu sesi perbincangan untuk menetapkan keperluan yang diperlukan oleh MBIP untuk sistem bagi Modul Pindah Milik Online telah dijalankan pada 22/8/2024. Ia telah dihadiri oleh Jabatan Penilaian dan Jabatan Teknologi Maklumat MBIP. Sesi ini telah dilaksanakan oleh 2 orang wakil dari CTSB iaitu Fadhzillah dan Hana.

# 11. SESI UAT KEDUA PEMANTAUAN PROJEK DI MAJLIS BANDARAYA DIRAJA KLANG (MBDK)

27/08/2024 (SELASA)



Sesi UAT Pemantauan Projek kedua bagi Majlis Bandaraya DiRaja Klang telah dijalankan selama 1 hari iaitu pada 27/8/2024. Sesi ini telah dihadiri oleh pegawai MBDK termasuk pengguna jabatan. Sesi ini telah dijalankan di MBDK dan telah dilaksanakan oleh 5 orang wakil CTSB iaitu Puan Arina, Habibah, Syahirah, Syafaizah, Aina.

